

Nasihat Tuanku Bainun kepada pihak pentadbiran sekolah

Jangan tutup masalah sosial pelajar



TUANKU BAINUN (kanan) menyampaikan ucapan pada majlis konvokesyen Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim semalam.

Oleh AHMAD SYAKIR SAZILI
ahmadsyakir.sazili@kosmo.com.my

TANJUNG MALIM - Masalah sosial yang berlaku di sekolah tidak seharusnya ditutup demi menjaga nama baik sekolah kerana tindakan tersebut akan mengundang bahaya kerana penyelesaian dengan cara itu hanya bersifat sementara, titah Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun.

Baginda yang juga Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bertitah, pengurusan sekolah perlu berupaya mengawal disiplin pelajar selain serius menangani masalah pelajar yang melanggar peraturan.

"Jika berlaku masalah sosial di sekolah seperti kegiatan samseng, buli, ugut, gaduh dan sebagainya, ada segelintir pengetua dan guru

besar cuba menutup skandal supaya nama baik sekolah tidak tercemar.

"Akhirnya pelajar yang bermasalah ini akan membawa gejala sosialnya ke dalam masyarakat," titah baginda semasa merasmikan majlis konvokesyen ke-12 UPSI di Dewan SITC di sini semalam.

Titah baginda, institusi sekolah perlu bertindak sebagai penapis gejala sosial yang mampu merawat pelbagai masalah di kalangan pelajar.

Baginda berharap masyarakat tidak 'merobohkan' apa yang telah 'dibina' oleh golongan pendidik di sekolah bahkan kelompok besar terbabit perlu mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang masa serta belajar daripada sejarah.

"Jangan kita menjadi ketam yang cuba mengajar anaknya ber-

jalan betul.

"Umpamanya guru di sekolah diarahkan mengajar nilai-nilai mulia seperti toleransi, perpaduan dan muhibah namun malangnya, dalam dunia realiti, ada guru yang tidak mengamalkannya dalam hidup bermasyarakat," titah Tuanku Bainun.

Pada istiadat konvokesyen UPSI sidang pertama semalam, seramai 357 graduan Doktor Falsafah dan Sarjana pelbagai bidang menerima ijazah masing-masing yang disampaikan sendiri oleh Tuanku Bainun.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Pro Canselor UPSI, Tan Sri Dr. Yahaya Ibrahim, Datuk Seri Dr. Abdul Shukor Abdullah dan Tan Sri Dr. Abdul Rahman Arshad serta Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Aminah Ayob.